

# IQRA'

Bil. 3/2022

MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30




**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

## PROMOSI@PTAR





**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS PERWAKILAN  
PELAJAR (MPP) UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA  
4 MAC 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya sesi 2021/2022 pada 4 Mac 2022. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Yang di-Pertua MPP Mohamad Zulhili Abdul Razak, Muhammad Yusuf Zulhasny (Naib Yang di-Pertua), Liyana Nadhirah Mohd Hasmadi (Setiausaha) dan Natasya Suraya Suffwan (Bendahari) bertujuan memperkenalkan barisan lantikan baru MPP Kampus Bandaraya bagi sesi kali ini.

Dalam pertemuan singkat ini, perbincangan dua hala antara MPP UiTM Kampus Bandaraya dengan pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya melibatkan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR dan cadangan untuk mengadakan program kerjasama. Secara tidak langsung, hasil daripada perbincangan ini dapat menambah baik mutu perkhidmatan perpustakaan pada masa hadapan. Diharap perjumpaan ini mampu memberikan impak positif kepada kedua-dua belah pihak dalam usaha meningkatkan mutu dan kepelbagaian perkhidmatan perpustakaan kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka khususnya warga Kampus Bandaraya.

